


**KISAH KEJAYAAN**  
**PUTRI HALIMATUSSAADIAH BT DOR JASMIN**

ITEM JENIS	INFORMATION MAKLUMAT
Name of PI1M Nama PI1M	Pusat Internet 1 Malaysia Kuala Klawang
Location Lokasi	Negeri Sembilan,Jelebu,Kuala Klawang,Kampung Larong
Name of person(s) Nama	Putri Halimatussaadiah Bt Dor Jasmin
Details of person (s) Butiran diri	16,Perempuan,Sekolah Menengah,Pelajar
Success story Kisah kejayaan	<p>1. Bagaimana anda menggunakan internet untuk mencapai kejayaan anda, sila hubungi cerita anda</p> <p>Saya mengetahui tentang pusat internet ini melalui ayah saya. Ayah saya selalu menggunakan perkhidmatan di sini terutamanya dari segi cetakan dan fotostat. Setelah mengetahui terdapat kelas yang diadakan secara percuma, ayah saya menghantar saya ke sini bagi mengisi kekosongan jadual pada hujung minggu serta bagi membolehkan saya memahirkan diri dengan sistem dan kemudahan komputer yang menjadi keperluan masa kini.</p> <p>Selain itu, saya juga dapat mengenali akan perisian-perisian yang terdapat dalam komputer melalui kelas yang diadakan. Staf di sini mesra dan banyak memberi saya tunjuk ajar dalam menjawab pertanyaan tentang perkara yang saya tidak tahu. Saya juga pernah membawa komputer riba sendiri ke sini untuk bertanyakan tentang perisian yang dapat memudahkan saya menggunakaninya. Saya juga memanfaatkan kemudahan wifi yang ada untuk memuat turun bahan-bahan rujukan ilmiah serta permainan komputer untuk adik-adik saya.</p> <p>2. Bagaimana anda memperbaiki hidup anda setelah mempelajari cara penggunaan internet.</p> <p>Banyak pengetahuan yang saya peroleh setelah mempelajari cara penggunaan internet. Saya dapat melayari internet dengan lebih mudah kerana dapat mengenali lebih daripada satu jenis pelayar web, selain membuat emel dan menghantar emel pada</p>

ITEM JENIS	INFORMATION MAKLUMAT
	<p>penerima.</p> <p>Tambahan pula,saya dapat memanfaatkan pelajaran penggunaan internet dengan mengikuti kelas Intel di pusat internet ini. Latihan kendiri dan berpandu yang diajar menguatkan lagi kefahaman saya.</p>
<b>Keterangan gambar</b> <b>Photo caption</b>	<p>Huraikan aktiviti dan orang pada setiap gambar yang telah disediakan.</p>  <p>Putri sedang membuat latihan berpandukan silibus Intel</p>  <p>Tenaga pengajar Pi1M sedang menerangkan mengenai silibuslatihan berpandu yang akan dijalankan. Silibus merangkumi modul mengenai pengenalan pada sistem komputer,internet dan emel</p>
<b>Feedback Maklumbalas</b>	<p>1. Apakah pandangan pertama anda terhadap PI1M?</p> <p>Pada mulanya saya menyangka pusat internet ini hanya sekadar menyediakan kemudahan internet,wifi dan komputer untuk kegunaan pengunjung yang datang. Setelah saya mengunjungi pusat internet ini dan menghadiri kelas-kelas yang diadakan barulah saya faham mengenai fungsi pusat</p>

ITEM JENIS	INFORMATION MAKLUMAT
	<p>internet ini melebihi jangkaan saya.</p> <p>2. Apakah tarikan utama anda untuk datang dan menggunakan kemudahan di PI1M?</p> <p>Tarikan utamanya adalah kemudahan komputer yang serba baru dan canggih, kemudahan wifi yang percuma serta pekerja pusat internet yang baik dan mesra.</p> <p>3. Bagaimanakah cara PI1M dapat membantu bagi mencapai kejayaan individu/kumpulan lain?</p> <p>Saya berpendapat bahawa silibus atau kelas yang diadakan banyak memberi peluang pada masyarakat untuk menambah ilmu pengetahuan serta meningkatkan pengetahuan tentang dunia digital.</p> <p>4. Berikan cadangan dan pandangan bagi menambahbaik PI1M? (kemudahan, aktiviti latihan / kursus, promosi dan lain-lain).</p> <p>Mungkin pusat internet boleh meningkatkan kelas atau kursus yang memberikan sijil pada para peserta.</p>